

Company Name : NexG Berhad
Date : 8 August 2025
Source : Berita Harian

NexG Kuasai Classita, Sasar Projek MRT3, Perumahan Mampu Milik



Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif NexG, Datuk Hanifah Noordin.

KUALA LUMPUR: NexG Bhd mengukuhkan kedudukannya dalam sektor pembangunan negara apabila memperoleh 32.61 peratus kepentingan dan 414.31 juta waran dalam Classita Holdings Bhd dengan nilai keseluruhan RM76.78 juta.

Langkah strategik ini menjadikan NexG sebagai pemegang saham tunggal terbesar Classita, kontraktor Gred G7 CIDB yang diiktiraf.

Pemerolehan itu membuka laluan kepada NexG untuk menyertai secara langsung projek pembangunan perumahan dan infrastruktur, termasuk menyasarkan penglibatan dalam

projek MRT3 serta inisiatif Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM). Classita juga mencadangkan pertukaran nama kepada NexG Bina Berhad, mencerminkan mandat baharu syarikat dalam pembangunan nasional.

Menurut Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif NexG, Datuk Hanifah Noordin, pengambilalihan ini adalah sebahagian daripada strategi NexG untuk menyokong inisiatif kerajaan di bawah Kerangka Ekonomi MADANI, sekali gus meluaskan skop perniagaan Kumpulan melangkaui sektor identiti digital.

Classita kini sedang bekerjasama dengan firma kejuruteraan Lion Pacific Sdn Bhd bagi menyertai projek MRT3. Jika berjaya, Classita akan melaksanakan pakej SY303 merangkumi pembekalan dan pengujian kereta api elektrik serta sistem sokongan, menandakan kemasukan syarikat ke dalam bidang kejuruteraan pengangkutan berintensif tinggi.

Selain itu, Classita merancang untuk membangunkan projek PPAM di tanah miliknya di Ulu Kelang, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik berkualiti bagi penjawat awam. Syarikat itu turut memiliki bank tanah strategik di Bentong, Tapah dan Kinta yang boleh dibangunkan secara berskala untuk projek perumahan dan komersial.

Pengambilalihan ini juga memberi NexG akses kepada aset dan keupayaan Classita untuk menyertai pelbagai program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), termasuk program perumahan MADANI dan kerjasama awam-swasta. Dengan RM611 bilion diperuntukkan bagi pembangunan di bawah RMK13, langkah NexG ini dilihat menepati waktu untuk merebut peluang sektor awam yang dianggarkan bernilai RM60 hingga RM70 bilion setahun.

Setakat Mac 2025, Classita mempunyai rizab tunai RM74.5 juta dan aset bersih RM190.9 juta dengan penggearan rendah, meletakkan syarikat dalam kedudukan kukuh untuk melaksanakan projek besar.

Hanifah berkata, NexG turut memperoleh sejumlah besar waran Classita, memberi fleksibiliti untuk meningkatkan lagi pegangan syarikat dalam masa hadapan, selain meraih manfaat daripada penciptaan nilai jangka panjang Classita.

Dengan kekuatan kewangan dan jaringan kerajaan NexG serta sumber dan pengalaman Classita, gabungan ini diyakini mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan perumahan dan infrastruktur negara.